

15 NOV 2001

Mohamed-BN

BN NEGERI JUGA PANTAU WAKIL RAKYATNYA

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional di peringkat negeri dirah memantau prestasi semua Anggota Dewan Negeri dari parti-parti komponennya, sama seperti yang dilakukan terhadap Anggota Parlimen dari BN sekarang.

Setiasaua Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata BN negeri juga dikehendaki memantau keberkesanan perkhidmatan semua wakilnya kepada masyarakat setempat dan tidak hanya menumpu kepada kaum tertentu mengikut parti politik masing-masing.

Beliau berkata BN benar-benar memandang serius prestasi wakil rakyatnya dan telahpun memperkenalkan beberapa langkah seperti menghendaki mereka mengemukakan laporan bulanan kepada ibu pejabat BN sejak September lepas, untuk memastikan mereka memberi perkhidmatan berkualiti dan memuaskan.

"Kita tidak mahu wakil rakyat BN datang untuk ambil elaun harian dan tidur, tanpa buat apa-apa," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan khas dengan semua setiausaha BN negeri di ibu pejabatnya di sini hari ini.

Pada perjumpaan lebih satu jam itu selain membincangkan perkara berkaitan perkhidmatan wakil rakyat BN, Mohamed turut menyampaikan surat pelantikan pengerusi BN negeri dan bahagian, yang diluluskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN berkuatkuasa 1 Ogos lepas sehingga 31 Julai 2003.

Mohamed berkata ibu pejabat BN telah mula menerima laporan bulanan daripada wakil rakyatnya mengenai kegiatan dan perkhidmatan mereka kepada rakyat di kawasan masing-masing selepas arahan itu dikeluarkan Ogos lepas.

Laporan berkenaan termasuk tempat-tempat yang dilawati, aktiviti rasmi dan tidak rasmi yang dihadiri, masalah rakyat yang dikesan dan diselesaikan, serta projek-projek yang diluluskan di kawasan wakil rakyat berkenaan.

Wakil rakyat BN juga perlu menyatakan jumlah pengundi yang mereka temui tanpa mengira kaum.

"Mereka bukan sahaja dipantau daripada segi perkhidmatan kepada masyarakat setempat tetapi juga kehadiran serta keterlibatan mereka dalam urusan dan perbincangan di Dewan Rakyat," katanya.

Mohamed berkata maklumat balas daripada rakyat turut dijadikan ukuran prestasi wakil rakyat BN.

Di Parlimen, BN telah meletakkan pegawainya untuk mencatat kehadiran anggotanya dari BN pada setiap masa, serta penglibatan mereka dalam setiap isu yang dibincangkan.

Beliau berkata laporan pemantauan itu dikemukakan kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HK ZS MAI